

Headline **Hari ICT SMK Felda Besout meriah**
Date **02 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **L-A12**
Article Size **287 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,672**
PRValue **17,017**



Hari ICT SMK Felda Besout meriah

KAMPUS Astro Bersama Komuniti Sekolah meneruskan jelajahnya ke Peringkat Daerah Batang Padang, Perak dengan memilih Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Felda Besout sebagai lokasi pelancaran siri penjelajahannya ke semua daerah di negeri itu baru-baru ini.

Program anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Perak itu bukan sahaja berjaya menarik kehadiran pelajar dari sekolah-sekolah sekitar Sungkai, malah turut menarik perhatian masyarakat Felda Gugusan Gunung Besout.

Pihak sekolah turut mengajurkan Hari Teknologi dan Komunikasi Maklumat (ICT) Sekolah 2010 yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Pusat ICT, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim.

Pengetuanya, Siti Mariam Joned berkata, antara objektif penganjuran Hari ICT Sekolah 2010 adalah untuk meningkatkan budaya penggunaan dan pengintegrasian ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) serta pengurusan sekolah.

"Ia juga dapat meningkatkan kepekaan dan pengalaman ibu bapa dan komuniti setempat tentang penggunaan dan kepentingan ICT untuk peningkatan diri dan anak-anak selaras dengan hasrat globalisasi dalam pendidikan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Masterplan Consulting Sdn. Bhd., Ahmad Faris Abdul Halim yang merasmikan majlis itu berkata, penekanan ICT dalam pendidikan adalah penting bagi melahirkan generasi berdaya saing yang mampu berfikiran global, bertindak secara sistematis dan efektif, menguasai bidangnya serta berpanjang jauh.

Headline	Hari ICT SMK Felda Besout meriah	Language	Malay
Date	02 Jun 2010	Page No	L-A12
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	287 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	5,672
Frequency	Daily	PRValue	17,017
Circ / Read	197,952 / 833,287		

Hadir sama wakil Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Batang Padang, Abdul Rahim Abdul Majid; Pengarah Pusat ICT UPSI, Nazri Saad serta Penolong

Pengarah (ICT dan Pengkomputeran) Jabatan Pelajaran Perak, Syuhaida Mahamud.

Selain UPSI, pameran pada hari berkenaan turut disertai BTPN Perak, K-Wheels MIMOS, Telekom Smart School Sdn. Bhd., K-Perak, Multimedia Development Corporation (MDec) serta beberapa syarikat ICT.

Beberapa aktiviti serta pertandingan pengaplikasian ICT secara interaktif turut diadakan seperti pertandingan membina laman web sekolah, membangunkan blog-blog pembelajaran, penghasilan bahan-bahan P&P berdasarkan ICT, penghasilan montaj, permainan soduku serta bola sepak *online*.

Pada majlis itu juga, Pasukan Briged Bestari sekolah dengan kerjasama Pusat ICT UPSI telah mengadakan sidang video bersama-sama bekas pelajar sekolah tersebut yang sedang melanjutkan pelajaran di luar

negara.

Turut memeriahkan program pada hari itu ialah kehadiran 30 pelajar yang dibawa khas dari MRSM Felda, Trolak Jaya.

Mehd. Hashim Osman
SMK Felda Besout,
35600 Sungkai, Perak

SEBAHAGIAN daripada pelajar SMK Felda Besout mencuba aktiviti berkaitan ICT di dalam K-Wheels MIMOS selepas pelancaran program Kampus Astro di Sungkai, Perak, baru-baru ini.

